# Proses lulus permohonan Skim Mikro Kredit disegera

UM - 7 JUN 2003

KOTA KINABALU 6 Jun — Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Shafie Salleh berkata. proses meluluskan permohonan Skim Mikro Kredit (SMK) di bawah pakej strategi baru ekonomi akan disegerakan supaya ia dapat menjana ekonomi negara.

Beliau berkata, penyegeraan itu penting supaya masalah yang sering menjadi rungutan golongan peniaga kecil mengenai kesukaran mendapat pinjaman dapat diatasi dan juga mengelak daripada menjadi mangsa 'along'.

Katanya. proses permohonan yang lengkap melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) hanya memakan masa lima hari bekerja manakala melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) memakan masa dua minggu.

"Contohnya, kalau tiga minggu lagi ada Pesta Kaamatan atau Gawai, mungkin ada belia mahu bemiaga dan hendak beli mesin air tebu, tetapi kalau bank luluskan pinjaman lepas sebulan tak ada guna.

"Kalau bank kata dalam tempoh dua minggu boleh diberi mesin dan sebagainya.. dia boleh dapat pemiagaan. Ini yang kita kata tadi speed adalah sangat penting," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis taklimat mengenai Skim Mikro Kredit peringkat negeri di ibu pejabat BSN di sini, hari ini.

Skim yang dilancarkan pada 3 Jun lalu itu menyediakan pinjaman maksimum RM20,000 kepada individu dengan kadar faedah empat peratus setahun.

Taklimat oleh BSN disampaikan oleh Pengarah (Kualiti han Khidmat Pelanggan), Fatimah Hussein, manakala BPM Sabah oleh Pengurus Kanannya, Hong Thing Koay.

Program Mikro Kredit yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 21 Mei lalu menyediakan peruntukan RM500 juta kepada BPM selain RM200 juta untuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

BSN pula menyediakan peruntukan RM300 juta khusus bagi membiayai projek bukan pertanian.

Sementara itu, Thing Koay berkata, setakat ini, BPM cawangan Sabah telah meluluskan enam permohonan melibatkan jumlah pinjaman sebanyak RM105,000.

Katanya, sebanyak 187 borang permohonan telah dikeluarkan kepada pemohon yang layak dan 15 daripadanya telah menyerahkan borang kepada pihaknya.

"Proses meluluskan pinjaman boleh dibuat bukan sahaja di Kota Kinabalu, tetapi juga di semua sembilan pejabat cawangan kita di Sabah," jelasnya.